

EPIC Bulletin

EARLY INTERVENTION PROGRAMME FOR INFANT & CHILDREN

EIP
Early Intervention Programme

JULY 2017

MBI
Majlis Kebangsaan Pertahanan



EIP Awesome Parents

EIP Awesome Parents merupakan program Spin-Off Project 3.0 yang diadakan selama setengah hari pada 6 Jun 2017. Program anjuran bersama MBI, PTNS, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Kid Campus Sdn Bhd ini bertempat di Dewan Bangunan PKNS, Shah Alam.

Bertemakan EIP Awesome Parents, program ini bertujuan berkongsi ilmu tentang cara menangani tingkah laku kanak-kanak dan cara menghadapi beberapa situasi dengan baik seterusnya mengelakkan tekanan ke atas ibu bapa dan kanak-kanak.

Seramai 50 orang peserta daripada kalangan ibubapa, pendidik dan pengasuh warga PKNS telah menghadirkan diri untuk mendengar penyampaian daripada pakar-pakar pendidikan awal kanak-kanak.

Topik yang dibentangkan oleh tiga orang panel jemputan adalah:-

- Peranan pendidik dan ibubapa dalam pembangunan perkembangan kanak-kanak
 - Hj Muhammad Shukri Nor Mokles Basri (Pakar Industri Kanak-kanak)
 - Hajah Mahanom Basri (Pakar Industri Kanak-kanak)
- Bagaimana pendidik dan ibubapa membuat intervensi awal kepada kanak-kanak
 - Dr Catur Setio Wargo (Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak)

1 Taska 1 Duta

1 Taska 1 Duta merupakan Spin Off Project 4.0 yang diadakan selama satu hari pada 17 Jun 2017 yang menekankan kempen setiap taska sekurang-kurangnya mempunyai satu duta yang boleh mengendalikan kanak-kanak istimewa.

Objektif utama program ini adalah untuk melahirkan duta-duta yang mempunyai ilmu tentang cara menangani tingkah laku kanak-kanak supaya pendidik dan pengasuh mengetahui cara menghadapi dan menjaga kanak-kanak yang memerlukan perhatian.

Bertempat di Mini Auditorium Institut Darul Ehsan, program ini dianjurkan dengan kerjasama MBI, PTNS, Institut Darul Ehsan dan Kid Campus Sdn Bhd. Seramai 60 orang peserta daripada golongan pendidik dan pengasuh yang terpilih daripada seluruh Selangor telah melibatkan diri dengan program.

Tiga orang panel jemputan yang membentangkan topik pada hari tersebut adalah :-



- Apakah Itu Keperluan Khas, Perbezaan, Jenis dan Kepelbagaian Keperluan Khas
 - Dr Catur Setio Wargo (Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak)
- Safety & Security for Special Needs Children @ TASKA
 - Hj Muhammad Shukri Nor Mokles (Pakar Industri Kanak-Kanak)
- Pengesanan awal & penilaian
 - Hajah Mahanom Basri (Pakar Industri Kanak-Kanak)

Sukarelawan EIP

Semangat Sukarelawan Memupuk Nilai Murni
Oleh: Safahani Azman



Pada 17 Jun, pihak Institut Darul Ehsan Selangor telah menjadi tuan rumah kepada satu program EIP, 1Taska 1Duta. Program tersebut dikhususkan kepada para pendidik awal kanak-kanak yang dipilih sebagai wakil taska masing-masing untuk mendengar penerangan berkenaan kanak-kanak autism oleh Dr Catur Setio Wargo, Pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Matlamat saya pada hari itu bukanlah untuk duduk sebaris dengan para pendidik itu, tetapi sebenarnya saya lebih berminat untuk mengenali mereka yang berada di belakang tabir. Para sukarelawan yang bertungkus lumus menjayakan program-program EIP.

Sekitar 10 minit mendengar penerangan daripada Dr. Catur, saya dan seorang rakan ke bilik rehat untuk menemuramah beberapa orang sukarelawan bagi program EIP.

Puan Hajah Mahanom Basri, Pakar Industri Kanak-Kanak dan Presiden Persatuan TASKA Negeri Selangor (PTNS) memperkenalkan kami dengan Aizat Irfan Amar bin Abdullah, 15 tahun. Orangnyanya masih muda, namun pertuturannya cukup matang dan berkeyakinan. Aizat yang bersekolah di SMK 9 Seksyen 7 Shah Alam memulakan perbualan mengenai awal penglibatan beliau sebagai sukarelawan di EIP.

"Awal-awal dulu Aizat ikut mama pergi EIP program, berminat nak tahu apa program EIP ni. Sejak itu, Aizat sangat berminat nak terlibat dengan program ni sampai sekarang." Aizat menambah, selain beliau, beberapa pelajar universiti awam dan swasta seperti MSU dan UiTM turut sama terlibat dalam menyertai sukarelawan di program-program anjuran EIP.

Menurut Aizat lagi, beliau seronok dapat menjaga kanak-kanak istimewa ini pada masa yang sama dapat mengenal sikap mereka dengan lebih mendalam.



"Mereka mahukan perhatian. Kita cuma perlu banyak bersabar dengan kanak-kanak ini dan cuba memahami mereka. Selain menjaga mereka, kami sebagai sukarelawan juga menyediakan beberapa aktiviti untuk kanak-kanak ini seperti membuat seni lukis dan kraf, dan memberi mereka makanan sementara ibu bapa mereka mendengar penerangan di bilik lain mengenai EIP (Screening)."

"Di akhir program, hasil dari lukisan dan kraf yang mereka lakukan, kami akan tunjukkan semasa pembentangan sambil sukarelawan dari MSU akan menghiburkan peserta dengan sedikit persembahan daripada kanak-kanak ini".

Ditanya jika beliau masih ingin meneruskan penglibatan dalam sukarelawan di program-program EIP seterusnya, dia menjawab "Ya, semestinya! Aizat seronok dapat jaga kanak-kanak ini, dan Aizat harap lebih ramai golongan muda seperti Aizat akan terlibat dengan aktiviti sukarelawan ni. Daripada mereka membazir masa dengan telefon bimbit, lebih baik isikan masa lapang dengan aktiviti kemasyarakatan seperti ini dalam pada masa yang sama dapat berinteraksi dengan orang baru seperti ibu bapa dan kanak-kanak autisme itu sendiri. Tambahan pula, kami ibaratnya sudah seperti keluarga sendiri, sama-sama membantu dan tolong-menolong dalam menjayakan program ini."

PTNS, Program Iftar, dan Hari Ibu adalah antara program lain yang melibatkan penglibatan mereka sebagai sukarelawan.

Kami juga bertemu Encik Sani bin Shahrudin, 35 tahun, yang juga seorang sukarelawan komited sehingga sanggup datang jauh daripada Jengka, Pahang, semata-mata ingin menyumbang tenaga demi EIP. Beliau yang sebelum ini telah berkecimpung dengan Persatuan Taska Negeri Selangor

(PTNS) lebih kurang selama 12 tahun berkata, PTNS sudah sehati dengan dirinya.

Saya tertarik mengikuti aktiviti sukarelawan ini kerana selain terasa sangat dekat di hati, program ini juga dapat menambah pengetahuan saya mengenai pendidikan awal kanak-kanak dan ilmu tentang kanak-kanak autisme".

Menurut beliau, walaupun kadangkala panceramah menyampaikan maklumat yang sama mengenai kanak-kanak autisme, namun beliau tidak pernah bosan mendengarnya kerana beliau tahu ilmu tersebut sangat bermanfaat bagi beliau dan juga orang lain.



Encik Sani berperanan sebagai jurugambar semasa program EIP berlangsung sambil memastikan semua di dalam keadaan baik dan terkawal sehingga program berakhir. Bertanya mengenai harapan beliau tentang program EIP, beliau berharap agar ibu bapa lebih peka tentang ilmu dan pendedahan tentang kanak-kanak autisme ini. "Ramai ibu bapa di luar sana yang tidak tahu anak mereka mempunyai ciri-ciri kanak-kanak autisme. Ada pula mereka yang malu untuk mengaku mereka memiliki anak-anak autisme".

Puan Zainab binti Ismail atau lebih senang dipanggil Zaza, 31 tahun, juga seorang lagi sukarelawan yang kerap melibatkan diri dengan program EIP. Guru Taska Sejarah Pintas di Seksyen 7 Shah Alam ini berkata, beliau melibatkan diri dalam program EIP sebagai sukarelawan sudah lebih empat kali sejak awal program ini diperkenalkan.

"Pada permulaan program ini dijalankan, saya diberi kepercayaan untuk menjadi sukarelawan, menjaga kanak-kanak istimewa ini, dan memantau mereka semasa ibu bapa mereka sedang mendengar program yang sedang berlangsung.

"Selain bagus untuk saya menambah pengetahuan tentang kanak-kanak istimewa ini, saya juga dapat belajar tentang perwatakan mereka, cara mereka berinteraksi dan bermain. Ia penting kerana saya sendiri mengajar di taska sebagai guru, jadi dengan melibatkan diri sebagai sukarelawan di EIP, ia sedikit sebanyak menambahkan lagi pengetahuan saya tentang ragam dan sikap kanak-kanak yang pelbagai."

Pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan Zaza apabila pernah di tampar oleh seorang kanak-kanak autism semasa beliau diberi tanggungjawab menjaga anak-anak istimewa ini. "Kanak-kanak ini tak biasa dengan orang asing, jadi dia akan bertindak mengikut emosi. Di sinilah kesabaran yang sangat tinggi diperlukan dalam mengendalikan kanak-kanak ini selain cuba memahami emosi mereka".

Semestinya, lawatan ke program EIP pada hari itu memberikan seribu satu pengalaman baru, selain dapat mengenali dan menemubual dengan lebih dekat para sukarelawan, tulang belakang di sebalik program ini.

Ternyata, program EIP anjuran MBI ini memberi lebih ruang untuk para sukarelawan mengorbankan masa dan mencurahkan tenaga untuk kanak-kanak istimewa ini selain menerapkan nilai murni dalam diri mereka sendiri.

Puan Zaza



EARLY INTERVENTION PROGRAMME (EIP)

Programmes for the next 3 months

| DATE/DAY | TIME | PROGRAMME | VENUE |
|--------------------------|-------------------|---------------------------|----------------------------|
| 23 July 2017 Sunday | 9.00 AM - 5.00 PM | Early Screening Programme | PPAS, Shah Alam |
| 6 August 2017 Sunday | 9.00 AM - 2.00 PM | SMART Parenting Workshop | Anjung Rahmat, Hulu Langat |
| 27 August 2017 Sunday | 9.00 AM - 5.00 PM | Early Screening Programme | PPAS, Shah Alam |
| 10 Sept 2017 Sunday | 9.00 AM - 2.00 PM | SMART Parenting Workshop | Banting, Kuala Langat |
| 17 Sept 2017 Sunday | 9.00 AM - 5.00 PM | Early Screening Programme | PPAS, Shah Alam |

SPIN-OFF PROJECTS

| DATE/DAY | TIME | TARGETED GROUP | VENUE |
|----------------------------|-------------------|----------------------------------|----------------------|
| 26 July 2017 Wednesday | 8.30 AM - 1.00 PM | Staff of MPK Klang | MPK, Klang |
| 29 July 2017 Saturday | 8.30 AM - 1.00 PM | Parents, Educators/ Guardians | Nik Solution Sdn Bhd |
| 12 August 2017 Saturday | 9.00 AM - 1.00 PM | Parents, Educators/ Guardians | Dewan E-Library, MPK |
| 22 August 2017 Saturday | 8.30 AM - 1.00 PM | Staff of MBSA | MBSA, Shah Alam |
| 23 Sept 2017 Saturday | 8.30 AM - 1.00 PM | Staff of MBPJ | MBPJ, Petaling Jaya |
| 28 Sept 2017 Thursday | 8.30 AM - 1.00 PM | PKNS Staff | PKNS, Shah Alam |



PROFAIL

EPIC kali ini akan membawa profail sukarelawan termuda EIP, Aizat Irfan Amar yang merupakan seorang pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah Seksyen 9 Shah Alam. Sejak mula melibatkan diri dengan program EIP anjuran MBI, Aizat telah mengikuti sebanyak 8 program keseluruhannya sama ada program-program kerjasama MBI mahupun organisasi lain berkaitan Early Intervention Program.

1. Apakah tarikan utama untuk melibatkan diri, dan bagaimana perasaan apabila mula menjadi sukarelawan?

Pada mulanya saya hanya suka-suka sahaja mengikuti mama saya yang terlibat dengan kerja sukarelawan EIP, kemudian saya terus berminat untuk mengikuti siri program seterusnya sehingga ke hari ini. Tarikan untuk mengikuti EIP mungkin disebabkan saya dapat berjumpa dan bergaul dengan orang yang berbeza dan juga kanak-kanak yang berbeza pada setiap kali program EIP berlangsung. Saya juga suka berkerjasama dengan sukarelawan lain yang belajar mengenai pendidikan awal kanak-kanak seperti pelajar-pelajar daripada Management & Science University (MSU).

Pada permulaan saya merasakan kerja sukarelawan ini begitu mencabar terutama sekali sewaktu mula-mula terlibat kerana masih belum memahami apa itu Early Intervention Program di mana sukarelawan perlu menjaga kanak-kanak di ruangan khas dan membantu tugas-tugas rakan sukarelawan lain seperti mendaftar kanak-kanak yang memerlukan perhatian istimewa, membantu mereka untuk ke bilik air, makan dan minum, membuat aktiviti untuk kanak-kanak ini bersama rakan-rakan yang lain sehingga program Keibubapaan atau program saringan selesai.

Sebenarnya saya telah terlibat dengan kerja-kerja sukarelawan sebelum program EIP lagi. Saya diberi peluang oleh Puan Hajjah Mahanom untuk bersama-sama membuat program-program lain seperti Program Menyambut Hari Ibu peringkat negeri Selangor, Majlis Iftar Peringkat Negeri Selangor dan Program Kebertanggungjawaban Belia Terhadap Media Sosial Negeri Selangor. Saya juga berterima kasih kepada Pn Hajjah Mahanom kerana sentiasa melibatkan saya sebagai sukarelawan dalam program-program anjuran beliau.

Saya merasa seronok setiap kali selesai menjalankan tugas-tugas sukarelawan untuk setiap program kerana keseronokan untuk setiap program itu berbeza-beza. Seronok walaupun kadangkala penat.

2. Adakah penglibatan dengan EIP ini membentuk daya pemikiran, dan apakah pendapat anda tentang peranan orang muda dengan program seperti itu?

Program EIP ini dapat membantu saya untuk memahami dengan lebih baik mengenai kanak-kanak dan mengapa perlunya kita atau ibubapa untuk mengakses anak-anak mereka lebih awal. Kita dapat memahami bahawa kanak-kanak semuanya berbeza dan saya dapat manfaat daripada pakar-pakar yang memberikan taklimat apabila ada peluang untuk berbuat demikian. Saya menjadi orang yang lebih empati kepada kanak-kanak dan banyak lagi.

Saya berpendapat ramai orang muda patut melibatkan diri dengan kerja-kerja sukarelawan bukan sahaja untuk EIP tetapi apa sahaja program yang memerlukan khidmat mereka. Membantu meringankan beban orang lain dan dapat berkomunikasi dengan pelbagai peringkat umur dapat membantu membina jati diri kita. Dengan menjadi sukarelawan juga kita dapat memanfaatkan waktu dengan lebih baik.

3. Boleh ceritakan satu pengalaman menarik ketika menjadi sukarelawan?

Pengalaman yang agak menarik sewaktu saya mula-mula menjadi sukarelawan ialah berulang alik membawa kanak-kanak ke tandas kerana pada masa itu terdapat 38 orang kanak-kanak dan saya adalah satu satunya sukarelawan lelaki yang berada di "Kid Zone ". Saya tidak pernah membawa kanak-kanak untuk membuang air kecil kerana saya tiada adik.

4. Apakah cita-cita Aizad? Sejauh manakah awak akan menceburi bidang pendidikan awal kanak-kanak ini?

Saya bercita-cita menjadi chef dan mempunyai restoran sendiri. Pada masa yang sama mungkin di masa akan datang saya akan menceburi bidang kanak-kanak dengan lebih serius lagi.

Please like our Facebook page :
www.facebook.com/smartselangor



Menteri Besar Selangor Inc. (MBI)
14th Floor, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Section 14,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.



corporate_comm@mbiselangor.com.my



+(603) 5513 8898



+(603) 5510 1758



#SmartSelangor